

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK DR. MAKIN @
MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]**

TARIKH : 19 JUN 2014

SOALAN :

**YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-**

- a) sama ada pihak Kementerian akan menggunakan khidmat pejabat kedutaan dan diplomatik Negara Malaysia di luar Negara bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan ; dan
- b) jumlah rakyat China yang melawat negeri Sabah sejak tahun 2010 dan jumlah pendapatan yang dijana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui agensinya Tourism Malaysia sentiasa memberi fokus dalam mempromosikan Malaysia kepada pelancong luar Negara berkaitan produk dan destinasi pelancongan Negara. Untuk makluman Yang Dipertua, pihak Tourism Malaysia yang berpejabat di luar Negara sentiasa mengadakan kerjasama dengan pihak kedutaan Malaysia di luar Negara dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang terkemuka. Antara kerjasama dan penglibatan dengan pihak kedutaan Malaysia di luar Negara adalah seperti :

- i. Program – program konsumer seperti perasmian promosi Makanan dan Kebudayaan, Malaysia Travel Fair, program perayaan seperti Rumah Terbuka Aidilfitri, Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia.
- ii. Merasmikan pelancaran pakej pelancongan yang dibangunkan oleh pengusaha pelancongan di luar negara.
- iii. Pihak Tourism Malaysia turut bekerjasama dengan pihak kedutaan Malaysia di luar negara dalam penyertaan di Pameran & Expo Pelancongan Antarabangsa Utama seperti di Arabian Travel Market di Dubai, International Tourism Boursa' (ITB) di Berlin, World Travel Mart di London, Japan Association of Travel Agents Tourism Forum & Travel Showcase (JATA) di Jepun, Korea World

Travel Fair (KOTFA) di Seoul, China International Travel Mart (CITM) di Shanghai, Pameran Meetings, Incentives, Conventions & Exhibitions (MICE), seminar & bengkel yang bertaraf antarabangsa di luar negara;

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik kedatangan pelancong China ke Sabah dan jumlah pendapatan yang dijana adalah seperti berikut:

Tahun	Ketibaan	Pendapatan(juta)
2010	97,072 (+11.2%)	RM268.7(+12.7%)
2011	133,736 (+37.7%)	RM376.6 (+40.1%)
2012	193,010 (+44.3%)	RM557.4 (+48.9%)
2013	360,361 (+86.7%)	Data masih diproses

Sekian, terima kasih.